

06/08/2001

Dr M sampaikan hadiah Piala Perdana

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini menyampaikan hadiah pertandingan badminton Piala Perdana 2001 yang dimenangi Badan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Sabah (Bakisa).

Dalam pertandingan akhir itu, Bakisa yang diketuai isteri Ketua Menteri Sabah, Datin Ivy Chong, mengalahkan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dengan 4-1.

Kemenangan pada kejohanan badminton ke-16 itu yang diadakan di Stadium Badminton Cheras, sekali gus menyaksikan Bakisa merangkul kejuaraan itu bagi kali keempat berturut-turut.

Tempat ketiga dimenangi Badan Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Perak (Baiduri) manakala keempat, Badan Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Pahang (Teratai).

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, pertandingan itu membolehkan isteri pemimpin bertemu dan berkenalan untuk mengeratkan hubungan dalam sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum.

"Walaupun negara ini mempunyai pelbagai acara, tidak rugi kita menggunakan kejohanan seperti ini untuk membolehkan isteri pemimpin Kerajaan Pusat dan negeri berkumpul serta beramah mesra," katanya.

Sambil mengucap tahniah kepada pemenang, Dr Mahathir secara berseloroh berkata, pertandingan itu juga mengeratkan hubungan suami isteri kerana peserta terpaksa berpisah dengan suami masing-masing sepanjang kejohanan.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga Yang Dipertua Bakti; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Kejohanan lima hari bermula Selasa lalu disertai 12 pasukan iaitu Bakti, Bakisa, Baiduri, Teratai, Baidunita (Perlis), Balkis (Selangor), Bidara (Kedah), Bistari (Melaka), Bunga Tanjung (Pulau Pinang), Juita (Johor), Pekerti (Negeri Sembilan) dan Sabati (Sarawak).

(END)